

ISLAM ANJURKAN AMALAN SEDEKAH

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيَّهَا وَالْمُؤَلَّفَةَ قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ
اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ يَتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Bertaqwalah kepada Allah SWT dengan taqwa yang sebenar-benarnya. Ketahuilah, sesungguhnya orang yang bertaqwa itu adalah semulia-mulia hamba di sisi Allah SWT di dunia dan akhirat. Dengan itu, marilah kita suburkan lagi ketaqwaan ini dengan melaksanakan segala titah perintah Allah SWT serta meninggalkan segala yang dilarang-Nya.

Mudah-mudahan kita akan menjadi umat yang mulia, berjaya dan berbahagia di dunia dan juga di akhirat kelak, insya Allah.

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Mari kita renungkan firman Allah SWT di dalam Al Quran:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ
يُضْعَفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

Maksudnya: “Bandingan (derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya lagi Maha Meliputi ilmu pengetahuan-Nya”. (Surah Al Baqarah, ayat 261)

Beruntunglah orang yang bersedekah atau suka menderma itu. Sesungguhnya Rasulullah SAW pernah menegaskan bahawa sedekah tidak mengurangkan harta. Sebagaimana sabdanya yang bermaksud: *“Tiga hal yang aku bersumpah atas ketiganya: Tidak berkurang harta kerana sedekah, tidak teraniaya seorang hamba dengan aniaya yang dia sabar atasnya, melainkan Allah Azza wa Jalla menambahinya kemuliaan dan tidak membuka seorang hamba pintu permintaan, melainkan Allah membuka atasnya pintu kefakiran”*. (HR Abu Daud, At-Tirmizi dan Ibnu Majah)

Luasnya peluang dan ruang yang bersedekah, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Daripada Abu Zar RA berkata bahawa beberapa orang sahabat Rasulullah SAW berkata: ‘Ya Rasulullah! Orang yang banyak harta memperoleh lebih banyak pahala. Mereka solat sebagaimana kami solat dan berpuasa sebagaimana kami berpuasa dan mereka boleh bersedekah dengan kelebihan harta mereka’. Rasulullah SAW lalu berkata: ‘Bukankah Allah telah memberi bagi kamu apa yang dapat kamu sedekahkan? Tiap-tiap ucapan tasbih adalah sedekah, takbir sedekah, tahmid sedekah, tahlil sedekah, amar makruf sedekah, nahyi mungkar sedekah, bersama isteri pun sedekah’. Para sahabat lalu bertanya: ‘Adakah melampiaskan nafsu syahwat juga mendapat pahala? Rasulullah SAW menjawab: Tidakkah kamu mengerti bahawa melampiaskannya di tempat yang haram bukankah itu berdosa? Maka begitulah pula kalau nafsu syahwat diletakkan di tempat halal, maka adalah baginya pahala”*. (HR Muslim)

Merujuk mafhum Hadith ini terdapat sembilan amalan mudah untuk bersedekah dan mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT, walaupun kita tiada harta, amalan-amalan itu ialah:

1. Mengamalkan tasbih
2. Mengamalkan takbir
3. Mengamalkan tahmid
4. Mengamalkan tahlil
5. Berbuat yang makruf
6. Mencegah yang mungkar
7. Bersama isteri
8. Melampiaskan nafsu syahwat di tempat halal, iaitu melalui perkahwinan
9. Tidak melampiaskan nafsu syahwat di tempat haram seperti berzina

Amal yang baik itu adalah sedekah. Sabda Rasulullah SAW lagi, yang bermaksud: *“Tiap-tiap amalan makruf (kebaikan atau kebajikan itu) adalah sedekah. Sesungguhnya di antara amalan makruf itu ialah bahawa engkau berjumpa saudara (kawan) engkau dengan wajah senang (senyum ceria) dan mengurangi isi minuman untuk diisikan ke cawan saudara engkau”*. (HR Ahmad)

Merujuk maksud Hadith ini, betapa mudahnya untuk kita mendapatkan pahala. Bagaimanapun sukarnya orang hendak melakukannya. Ingatlah, bahawa sesungguhnya segala amalan sedekah, derma dan juga perbelanjaan yang diberikan untuk agama Islam dan di jalan Allah semua itu merupakan amalan yang akan menjadi saham untuk hidup kita di akhirat kelak.

Semasa hidup di dunia kita semua mempunyai harta, wang ringgit serta saham bernilai ratusan, ribuan, bahkan jutaan dalam bank-bank untuk keperluan dan simpanan sepanjang hidup ini. Maka tentunya untuk sebuah kehidupan kekal abadi di akhirat nanti, kita juga perlukan harta dan saham berupa pahala sebagai dana dan saham kita untuk menjalani kehidupan di sana. Harta, wang ringgit dan saham kita di akhirat nanti bukan lagi wang ringgit dan saham seperti yang ada di dunia ini, tetapi ia berupa amal soleh, amal ibadah dan amal kebajikan yang kita lakukan di dunia yang akan bertukar menjadi nilai pahala atau RM pahala atau harta pahala atau saham pahala.

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Jangan diungkit-ungkit sedekah dan derma yang telah diberikan atau wang ringgit yang telah dibelanjakan pada jalan Allah. Firman Allah SWT lagi:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ثُمَّ لَا يُتَّبِعُونَ مَا أَنْفَقُوا مَنًّا وَلَا أَذًى هُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٦٢﴾

Maksudnya: "Orang yang membelanjakan hartanya pada jalan (agama) Allah, kemudian mereka tidak mengiringi apa yang mereka belanjakan itu dengan perkataan membangkit-bangkit (pemberiannya) dan tidak pula menyinggung atau menyakiti (pihak yang diberi), mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita". (Surah Al Baqarah, ayat 262)

Jangan sesekali membatalkan sedekah dan derma anda. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُبْطِلُوا صَدَقَاتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِثَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَتَرَكَهُ صَلْدًا ۖ لَا يَقْدِرُونَ عَلَىٰ شَيْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿٢٦٤﴾

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (melalui kelakuan yang) menyakiti seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (ria') dan dia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang kafir dan ria' itu) mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan. Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir". (Surah Al Baqarah, ayat 264)

Ayat ini, mengajar umat Islam yang beriman tentang perkara-perkara yang merosakkan pahala amal dan pahala sedekah, iaitu:

1. Sedekah dengan perkataan membangkit-bangkit.
2. Sedekah dengan menyakiti melalui kelakuan terhadap si penerima.
3. Sedekah/membelanjakan harta kerana menunjuk-nunjuk atau ria'.

Sesungguhnya perbuatan demikian pasti akan menghapus segala pahalanya seperti batu licin yang bertanah di atasnya lalu ditimpa hujan lebat.

Pada hal, jika kita tahu besarnya keutamaan amal sedekah itu, setiap umat Islam akan berebut-rebut untuk bersedekah walau dengan sekadar sebiji buah kurma, sabda Rasulullah SAW yang

bermaksud: “Jauhkan diri kamu dari api neraka, walaupun hanya dengan (sedekah) sebiji kurma”. (HR Muttafaq’alaih)

Sabda Rasulullah SAW lagi yang bermaksud: “Naungan bagi seorang yang beriman pada hari kiamat ialah sedekahnya”. (HR Ahmad)

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Sopan santun dan adab atau budipekerti kepada peminta sedekah dan pengemis. Islam mengajarkan umatnya, adab sopan dan budi pekerti yang terbaik, sebagaimana firman Allah SWT:

قَوْلٌ مَّعْرُوفٌ وَمَغْفِرَةٌ خَيْرٌ مِّنْ صَدَقَةٍ يَتَّبِعُهَا أَذَىٰ ۗ وَاللَّهُ عَنِّي حَلِيمٌ ﴿٢٦٣﴾

Maksudnya: “(Menolak peminta-peminta sedekah) dengan perkataan yang baik dan memaafkan (kesilapan mereka) adalah lebih baik daripada sedekah (pemberian) yang diiringi (dengan perbuatan atau perkataan yang) menyakitkan hati. Dan (ingatlah), Allah Maha Kaya lagi Maha Penyabar”. (Surah Al-Baqarah, ayat 263)

Berdasarkan mafhum ayat ini, dua perbuatan terbaik yang diajar dalam Al Quran dalam mendidik golongan peminta sedekah atau pengemis yang sering berlaku dalam masyarakat kita, iaitu:

1. Dengan kata-kata yang baik.
2. Dengan memberikan kemaafan.

Inilah tindakan dan perbuatan terbaik, daripada pemberian sedekah yang diiringi dengan kata-kata dan perbuatan yang menyakiti hati mereka.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Demikianlah, Islam amat menganjurkan amalan bersedekah, berderma dan membelanjakan harta wang ringgit serta saham di jalan Allah.

Mudah-mudahan kita semua menjadi umat yang benar-benar menghayati anjuran beramal soleh dan amal jariah untuk menjadi umat penyayang, prihatin dan terbaik, insya Allah.

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ , وَنَفَعْنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ , وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ , أَقُولُ قَوْلِيْ
هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَ لِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ النَّاعِيْنَ .



Disediakan oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah